**Creative World Industries Sdn. Bhd.** (548234U)

HQ : No. 29, Jalan Selasih K U12/K, Taman Cahaya Alam, Seksyen U12,
40170 Shah Alam, Selangor
Tel : 03-2712 3296 Fax : 03-2712 3295
Website : www.cwisb.com

Creative
World Industries

*Ruj kami* : CWI/MPC/SR/2019 (07) 1983

Tarikh : 12 Julai 2019

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA**
Peti Surat 64, Jalan Sultan,
46904 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan/Puan,

**JAMINAN BANK UNTUK BON PERLAKSANAAN – SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 135 UNIT KOMPUTER MEJA, 5 UNIT KOMPUTER MEJA BERPRESTASI TINGGI , 1 UNIT WORKSTATION MUDAH ALIH DAN 17 UNIT KOMPUTER RIBA SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 4 TAHUN 3 BULAN ATAU 51 BULAN KEPADA IBU PEJABAT DAN PEJABAT WILAYAH, PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)(T/MPC/3/2019).**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada surat di bawah rujukan no : MPC(PCT)400-10/3/6 bertarikh 23 Mei 2019.

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan SEBUTHARGA di atas.

Kami dengan ini melampirkan Jaminan Bank bagi Bon Perlaksanaan yang berjumlah **Ringgit Malaysia : Sebelas Ribu Dua Ratus Dua Puluh Empat dan Tiga Puluh Tiga Sen Sahaja (RM 11,224.33) dibawah rujukan No. : T01719IBG1042376** untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih

Yang benar,
CREATIVE WORLD INDUSTRIES SDN BHD

**SITI ROHANI BT KAMARUDZAMAN**
Akaun & Pentadbiran
b.p Pengarah Urusan

**RECEIVED**

......................................
(Customer Signature)

Name : ____________________

____________________

Date : ____________________

Company's Stamp :

AmBank

Trade Services Dept
No. 110, (1st Floor), Block 2,
Persiaran Sukan, Laman Seri
Business Park, Section 13,
40100 Shah Alam, Selangor.
Tel : +603 5510 7753
+603 5510 7769
Fax: +603 5510 7754

Tarikh Dikeluarkan : 11hb July 2019

Rujukan Kami : T01719IBG1042376

HASiL RM10 MALAYSIA PEJABAT SETEM 11.07.2019 SHAH ALAM B2

**Perbadanan Produktiviti Malaysia**
Peti Surat 64, Jalan Sultan,
46904 Petaling Jaya,
Selangor

JAMINAN BANK NO.T01719IBG1042376 UNTUK BON PERLAKSANAAN UNTUK RM11,224.33

Sebagai balasan kepada No Tawaran: **T/MPC/3/2019** yang dibuat antara **Perbadanan Produktivit Malaysia** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "MPC") dan **CREATIVE WORLD INDUSTRIES SDN BHD** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi **PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 135 UNIT KOMPUTER MEJA, 5 UNIT KOMPUTER MEJA BERPRESTASI TINGGI, 1 UNIT WORKSTATION MUDAH ALIH DAN 17 UNIT KOMPUTER RIBA SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 4 TAHUN 3 BULAN ATAU 51 BULAN KEPADA IBU PEJABAT DAN PEJABAT WILAYAH, PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi jaminan kepada MPC ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan MPC seperti berikut:-

1. Apabila sahaja MPC membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dalam masa tujuh (7) Hari Bekerja dari tarikh penerimaan tuntutan bertulis membayar kepada MPC nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak **Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Dua Ratus Dua Puluh Empat Dan Tiga Puluh Tiga Sen Sahaja (RM11,224.33)** dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada MPC di bawah Jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas. ("Hari Bekerja" bermaksud Isnin hingga Jumaat melainkan cuti awam di Selangor).

2. MPC berhak untuk membuat apa-apa tuntutan separa jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan separa itu hendaklah tidak melebihi nilai **Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Dua Ratus Dua Puluh Empat Dan Tiga Puluh Tiga Sen Sahaja (RM11,224.33)** dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada MPC jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran separa yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak akan dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan di antara Kontraktor dan MPC sama ada dengan atau tanpa kebenaran Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diakujanji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

Karmiiiv

AmBank

**Trade Services Dept**
No. 110, (1st Floor), Block 2,
Persiaran Sukan, Laman Seri
Business Park, Section 13,
40100 Shah Alam, Selangor.
Tel : +603 5510 7753
+603 5510 7769
Fax: +603 5510 7754


T01719IBG1042376
Perbadanan Produktiviti Malaysia

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuatkuasa dari 1 Julai 2019 sehingga 30 September 2024 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Initial Expiry Date) iaitu dua belas (12) bulan samada selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terdahulu atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan mengikut mana yang terdahulu. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date)(kemudian daripada ini disebut tarikh mati lanjutan (Extended Expiry Date) apabila diminta oleh MPC dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang MPC berhak di bawah Jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah sebanyak **Ringgit Malaysia Sebelas Ribu Dua Ratus Dua Puluh Empat Dan Tiga Puluh Tiga Sen Sahaja (RM11,224.33).**

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Jaminan ini hendaklah luput apabila Jaminan ini tamat pada Tarikh Mati Asal (Initial Expiry Date) atau Tarikh Mati Lanjutan (Extended Expiry Date) melainkan jika sebelumnya MPC telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERTULIS BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DIAKUI TERIMA OLEH PIHAK BANK DI ALAMAT NO.110, TINGKAT 1, BLOK 2, PERSIARAN SUKAN, PUSAT PERNIAGAAN LAMAN SERI, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN. Selepas tarikh itu, Jaminan ini dibatalkan secara automatik dan akan dianggap terbatal dan tidak sah dan Penjamin hendaklah dibebaskan daripada semua liabiliti dan obligasi di bawah Jaminan ini walaupun Jaminan asal ini tidak dikembalikan kepada Penjamin untuk pembatalan.

7. Jaminan ini tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran awal secara bertulis dari Penjamin.

8. Jaminan ini hendaklah tertakluk oleh dan dikuatkuasa di bawah undang-undang Malaysia dan semua pihak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa perundangan eksklusif Mahkamah di Malaysia.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak kepada Jaminan ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan )

Saksi
Nama: Parimala A/P Santhirasagaran
Jawatan: Eksekutif Kanan

Nama: Catherine Anthony A/P Minal
Jawatan:Penolong Pengurus

Anuar Bin Haji Shakimon
Pengurus Kanan

AmBank (M) Berhad Transaction Banking Service Centre Shah Alam